

18

Pembelajaran Gunaan di Bilik Darjah

Arfah Buang

arfah_buang@sst.edu.sg

Azizah Ahmad

azizah_ahmad@sst.edu.sg

Sekolah Sains dan Teknologi Singapura

Abstrak

Penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah menjadi satu keprihatinan guru, khususnya bagi kalangan pelajar yang tidak cenderung berbahasa Melayu atau kurang bermotivasi untuk mempelajarinya kerana tidak melihat kepentingannya dalam alam pekerjaan. Cabaran besar bagi guru adalah untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bukan sahaja untuk memupuk minat para pelajar sedemikian, malah bagi memperkaya pengalaman pembelajaran mereka sesuai dengan tuntutan pendidikan dewasa ini. Pendekatan Pembelajaran Gunaan atau *Applied Learning Approach* merupakan satu strategi yang mampu menggalakkan pembelajaran lebih aktif di bilik darjah. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan tersebut telah meningkatkan respons pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara positif. Data kualitatif menunjukkan bahawa unsur ‘belajar dengan melakukan’ turut memberi kesan terhadap kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah pelajar. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan bagaimana pendekatan eklektik membantu pelajar mengaplikasi pengetahuan dalam cerminan realiti dunia sebenar yang kompleks.

Kata Kunci: penglibatan pelajar, pembelajaran aktif, Pembelajaran Gunaan, pendekatan eklektik, motivasi pelajar



PENGENALAN

Perubahan landskap pendidikan di Singapura kebelakangan ini amat menekankan keperluan untuk mendidik pelajar secara holistik, dengan memupuk semangat dan keazaman tertentu yang bakal membolehkan mereka melalui kehidupan alam dewasa dengan berkesan. Untuk memastikan para pelajar mendapat manfaat daripada apa yang ditawarkan sekolah dan memperoleh keupayaan yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran semasa, adalah penting bagi guru-guru untuk menyediakan aktiviti pengajaran pembelajaran yang bukan sahaja menarik malah akan memberi motivasi dan meningkatkan pengalaman pembelajaran anak didik mereka di sekolah.

Pendidikan dwibahasa dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda kekal sebagai tunjang sistem pendidikan Singapura, sesuai dengan keperluan individu untuk berhubung dengan dunia global dan memiliki kelebihan berdaya saing. Namun, pada masa yang sama tetap terpaht dengan warisan dan asal usul ketimuran (MOE, 2010). Hakikatnya, guru Bahasa Ibunda dewasa ini menghadapi persekitaran pengajaran yang mencabar kerana para pelajar di sekolah datang dari keluarga yang pelbagai latar belakang penggunaan bahasa. Semakin ramai pelajar yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Memandangkan faktor sosial yang berlatar belakang pelajar mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kognisinya terhadap bahasa Melayu (Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani, 2010), sikap pelajar yang tidak cenderung berbahasa Melayu dalam perbualan harian atau mereka yang kurang bermotivasi untuk mempelajarinya kerana memandang remeh kegunaannya di alam pekerjaan, sewajarnya mengundang kebimbangan dan menggamt perhatian guru-guru.

Salah satu faktor penyumbang yang menghindar pembelajaran bahasa Melayu dalam diri pelajar sedemikian adalah kaedah pengajaran di bilik darjah yang berpusatkan guru atau terlalu menekankan peperiksaan, terutamanya di peringkat menengah. Perkara ini ternyata kurang merangsang minat dan penglibatan pelajar. Walhal, dalam masyarakat berasaskan pengetahuan, penglibatan pelajar merupakan tunggak bagi meningkatkan kebolehan setiap pelajar supaya dapat belajar bagaimana untuk belajar (*learn how to learn*)



atau untuk menjadi pelajar sepanjang hayat (Gilbert, 2007). Dengan kata lain, penglibatan pelajar mampu menjadi kedua-dua proses strategik untuk pembelajaran dan kebertanggungjawapan kepada diri sendiri. Usaha guru atau pihak sekolah dalam menyediakan pembelajaran yang bermakna merupakan kunci kejayaan pelajar di sekolah (Taylor & Parsons, 2011).

Terbit daripada itu, terdapat tuntutan yang memerlukan pembelajaran hari ini perlu diperkaya dengan aktiviti yang lebih bermakna dan autentik kepada pelajar, menggalak pengawalseliaan diri dalam pembelajaran (*self-regulatory learning*) dan memuatkan strategi mencabar seperti pembelajaran berdasarkan masalah yang sesuai dengan tuntutan semasa. Seperkara lagi, pendekatan Pembelajaran Gunaan semakin mendapat perhatian dalam konteks pendidikan tempatan akhir-akhir ini. Secara umum, pendekatan tersebut merujuk kepada pembelajaran yang menekankan perkaitan antara apa yang dipelajari dengan keperluan semasa atau trend masa depan secara jelas. Pendekatan ini bersifat amali dan autentik serta bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran untuk mengaplikasi pengetahuan yang diperoleh dan seringkali melibatkan kerjasama pelbagai pihak; misalnya pihak industri, karyawan atau masyarakat setempat.

Persoalannya, adakah pendekatan Pembelajaran Gunaan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran, jika diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu? Apakah persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran yang menerapkan pendekatan Pembelajaran Gunaan?

PERNYATAAN MASALAH

Penglibatan pelajar di dalam bilik darjah dipengaruhi oleh bentuk tugas, bagaimana tugas itu disampaikan oleh guru dan bagaimana seseorang pelajar berinteraksi dengan pelajar lain di dalam kelas (Ames, 1991). Oleh itu, adalah penting bagi guru untuk mereka bentuk aktiviti yang relevan, autentik dan memberi peluang bagi kerjasama untuk meningkatkan penglibatan pelajar.

Generasi pelajar hari ini memerlukan peluang pembelajaran kendiri, persekitaran interaktif, pelbagai bentuk maklum balas, dan pilihan tugas yang menggunakan sumber yang pelbagai untuk mewujudkan pengalaman

pembelajaran yang bermakna secara peribadi (Glenn, 2000). Pengajaran tradisional yang berpusatkan guru atau didaktik bukan sahaja kurang berkesan untuk menarik minat pelajar malah tidak dapat menggalakkan tahap penglibatan pelajar yang tinggi serta pembelajaran yang mendalam.

Maka, kajian ini dijalankan dengan harapan dapat memberi kesedaran tentang potensi pendekatan Pembelajaran Gunaan sebagai kaedah yang berkesan untuk meningkatkan penglibatan pelajar di kelas. Kajian ini juga diharap dapat menunjukkan cara untuk menimbulkan keseronokan belajar dan dalam pada itu membantu menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan menarik.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kesan pengajaran yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Gunaan terhadap tahap penglibatan sepuluh orang pelajar Bahasa Melayu di peringkat menengah dua. Dua persoalan yang menjadi tumpuan kajian adalah:

1. Adakah tahap penglibatan pelajar tinggi dalam aktiviti pengajaran yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Gunaan?
2. Apakah persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran yang menerapkan pendekatan Pembelajaran Gunaan?

KAJIAN LEPAS

Penglibatan pelajar sering digunakan untuk menggambarkan kesediaan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti rutin di sekolah, menghasilkan tugas yang dikehendaki dan mengikut arahan guru di dalam kelas (Chapman, 2003). Ia bertindan, tetapi tidak sama, dengan motivasi pelajar (Sharan, Shachar & Levine, 1999). Penglibatan pelajar yang tinggi terbukti apabila pelajar tetap tertarik kepada aktiviti pembelajaran, walaupun perlu menempuh pelbagai cabaran, dan menunjukkan kepuasan dalam hasil kerja atau pencapaian mereka (Schlecty, 1994). Ringkasnya, penglibatan pelajar merujuk kepada kesediaan, keperluan, keinginan dan dorongan pelajar untuk menyertai serta mencapai kejayaan dalam sesuatu proses pembelajaran.



Bedell (2014) berpendapat bahawa penglibatan pelajar dilihat melalui petanda kelakuan, kognitif dan emosi. Antara lain, dari segi kelakuan, pelajar akan menyuarakan tentang apa yang dipelajari di kelas dan terus mencuba biarpun tugas yang sukar. Dari segi kognitif pula, pelajar dilihat menetapkan matlamat pembelajaran, mengawal selia diri mereka, dan menunjukkan keinginan untuk melampaui keperluan minimum sesebuah tugas yang diberi. Misalnya, pelajar berusaha untuk menemukan makna dan hubungan tentang apa yang dipelajari, bukan sekadar menghafal bahan secara permukaan sahaja. Ia merupakan usaha memberi tumpuan kepada penguasaan bahan. Akhir sekali, penglibatan emosi mencerminkan keseronokan pelajar dalam pembelajaran. Apabila pelajar menikmati subjek yang dipelajari, mereka dengan sendirinya akan mencari bahan tambahan atau mempelajari lebih daripada apa yang ditetapkan oleh guru.

Finn & Pannozzo (2004) mendapati adanya hubungan peramalan antara perhatian atau tumpuan pelajar dengan prestasi sekolah dalam banyak kajian mengenai tahap penglibatan pelajar. Penglibatan pelajar juga dikatakan berkait rapat dengan pembelajaran dan pembangunan peribadi (Astin, 1993). Apabila pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran di sekolah, sikap positif terhadap pembelajaran dapat diterapkan. Pelajar juga akan lebih menikmati pelajaran berkenaan dan menghargai kandungan yang diajarkan. Sepanjang aktiviti pembelajaran tersebut, pelajar bermotivasi dan berperanan sebagai peserta aktif dalam pembangunan pengetahuan dan bukannya sebagai pemerhati yang pasif sahaja. Peluang yang mana seseorang pelajar terlibat sepenuhnya dalam pembelajaran turut mengajarnya kemahiran penting yang lain, seperti komunikasi dan kerjasama. Kemahiran-kemahiran sebegini jelas meluaskan potensi pelajar bagi pembelajaran berterusan serta pembangunan peribadinya.

Kajian pustaka mengemukakan enam unsur yang merangsang penglibatan pelajar iaitu, interaksi, eksplorasi, kerelevan, multimedia, arahan/ pengajaran dan penilaian autentik (Barnes, Marateo, & Ferris, 2007; Claxton, 2007; Dunleavy & Milton, 2009; Hay, 2000; OECD, 2003; Taylor & Parsons, 2011; dan Willms, Friesen & Milton, 2009).

Para pelajar hari ini bersifat sosial dan interaktif. Hubungan yang interaktif



dan saling menghormati, tidak kira secara maya atau semuka, terbukti berkesan untuk meningkatkan penglibatan pelajar (Willms, Friesen, & Milton, 2009). Selain itu, para pelajar juga menginginkan lebih banyak peluang untuk meneroka dan mencari penyelesaian atau jawapan secara kendiri (Willms, Friesen, & Milton, 2009; Brown, 2000; Hay, 2000; Oblinger & Oblinger, 2005; Barnes et al., 2007). Dalam hal ini, amalan bilik darjah yang berdasarkan penyoalan dan siasatan, berasaskan masalah, dan menggalakkan penerokaan dilaporkan berupaya meningkatkan tahap penglibatan pelajar. Tambahan lagi, para pelajar turut menginginkan pembelajaran yang membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan kepada senario kehidupan sebenar; bukan sekadar berasaskan teori dan rujukan teks semata-mata. Menyelesaikan masalah yang autentik atau tulen mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Sehubungan itu, kaedah pengajaran dan corak penilaian juga perlu dipertimbangkan agar seiringan dengan pendekatan yang menggalak penglibatan pelajar.

Selanjutnya, dilaporkan bahawa teknologi meningkatkan faktor penglibatan pelajar – termasuk dari segi kognitif, afektif, tingkah laku, pencapaian akademik, dan penglibatan sosial. Penambahan akses kepada teknologi dalam bilik darjah mendorong penglibatan pelajar, misalnya dari segi mengambil inisiatif dan bertanggungjawab untuk pembelajaran sendiri, menggunakan sumber dengan bijak, menumpukan perhatian terhadap tugas, mencari maklumat dan meluaskan pembelajaran di luar bilik darjah.

Taylor & Parsons (2011) merumuskan bahawa pengajaran di bilik darjah yang berjaya memiliki tahap penglibatan pelajar yang tinggi menggabungkan lima aspek utama, seperti yang berikut:

1. Pembelajaran yang relevan, mencerminkan dunia sebenar, dan silang disiplin; malah, ada kalanya pembelajaran beralih dari kelas ke lingkungan masyarakat.
2. Persekutaran pembelajaran yang kaya teknologi; bukan sahaja adanya komputer, tetapi semua jenis alatan, termasuk peralatan saintifik, sumber multi-media dan pelbagai bentuk teknologi komunikasi mudah alih.
3. Iklim pembelajaran yang positif, mencabar, dan terbuka atau telus yang menggalakkan pengambilan risiko dan membimbing pelajar ke



arah jangkaan tinggi yang dipersetujui bersama. Pelajar juga turut terlibat dalam penilaian untuk pembelajaran (*Assessment for Learning*) dan penilaian tentang pembelajaran (*Assessment of Learning*).

4. Kerjasama yang setara antara pelajar dengan guru atau sokongan Komuniti Pembelajaran Profesional yang bekerjasama untuk merancang, membangunkan, berkongsi, dan melaksanakan penyelidikan baharu, strategi pengajaran, dan bahan.
5. Budaya pengajian di mana guru belajar bersama pelajar. Bahasa, aktiviti dan sumber memberi keutamaan kepada pembelajaran dan penglibatan terlebih dahulu sebelum pencapaian dititikberatkan.

Kesimpulannya, lebih tinggi penglibatan pelajar dalam pembelajaran, lebih besar peluangnya untuk berjaya di dalam dan di luar sekolah. Persoalannya adalah bagaimakah penglibatan pelajar dapat dipertingkat? Bagaimakah guru boleh memancing minat pelajar dan menyemai ke dalam dirinya perasaan suka belajar itu?

Ash dan Clayton, (2009) menghujahkan menggalak pembelajaran dan perkembangan pelajar melalui proses reflektif dan amali di luar lingkungan bilik darjah yang tradisional merupakan intipati pendekatan Pembelajaran Gunaan. Pendekatan ini adalah berdasarkan keyakinan bahawa pembelajaran paling maksimum apabila ia aktif, terlibat, dan kolaboratif. Pendekatan ini memberi pelajar peluang untuk mengaitkan teori dengan amalan, belajar dalam konteks yang baharu atau belum diteroka, berinteraksi dengan orang lain yang berbeza perwatakannya, dan mencungkil serta menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada .

Pembelajaran Gunaan merupakan satu pendekatan yang memberi penekanan terhadap perkaitan antara apa yang dipelajari dengan ‘dunia sebenar’ melalui hubungan yang telus dan langsung sejauh yang mungkin. Fokus kepada aplikasi ‘kehidupan sebenar’ sering kali memerlukan perubahan daripada segi tumpuan terhadap bidang kurikulum yang diskret kepada pembelajaran yang lebih menyeluruh. Ia mengutamakan aplikasi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah, melaksanakan projek atau memainkan peranan dalam sesebuah kumpulan kerja. Pendekatan ini turut merujuk kepada usaha mendidik seorang pelajar secara holistik,



dengan mengambil kira kekuatan peribadi, minat, matlamat dan pengalaman sedia adanya. Dengan kata lain, pendekatan ini menitikberatkan perbezaan gaya atau corak pembelajaran. Akhir sekali, pendekatan ini membantu pelajar dalam peralihan untuk menjadi lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Pendekatan Pembelajaran Gunaan membuka laluan untuk menyampaikan sesebuah kurikulum yang relevan dalam konteks kehidupan sebenar pelajar secara koheren dan mencabar. Sekaligus ia mampu mengembangkan potensi, bakat dan keupayaan pelajar. Dapat dikatakan bahawa pengalaman pembelajaran berdasarkan pendekatan ini merangkumi pembelajaran yang aktif dan relevan, autentik, bersepada, berpusatkan pelajar, bertumpukan proses serta dan berkisarkan masyarakat. Ia berpotensi untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran dari segi kelakuan, emosi dan, paling utama sekali, kognisi pelajar.

Lantas, bagi tujuan kajian ini, satu pakej pengajaran berdasarkan pendekatan Pembelajaran Gunaan mengenai berita dijalankan di sekolah pengkaji untuk memerhatikan tahap penglibatan pelajar di kelas Bahasa Melayu.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah gabungan penerokaan telah digunakan sebagai metodologi kajian yang dirancang dari awal, di mana dapatan kaedah kualitatif digunakan untuk menerangkan dapatan kaedah kuantitatif. Kajian ini mempunyai reka bentuk eksperimen kerana terdapat hanya sekumpulan subjek kajian sahaja.

Subjek Kajian

Sekumpulan 10 orang pelajar menengah dua yang terdiri daripada murid lelaki semuanya telah terpilih berdasarkan persampelan mudah. Mereka terlibat secara sukarela dengan keizinan ibu bapa atau waris masing-masing. Mereka menjalani aktiviti pengajaran ‘Berita’ yang berpandukan pendekatan Pembelajaran Gunaan.



Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga instrumen iaitu, borang soal selidik, senarai semak pemantauan bilik darjah dan temu bual separa struktur.

Borang soal selidik, yang diberikan kepada pelajar selepas pengajaran dijalankan, berupa borang berdasarkan skala kekerapan, iaitu ‘Sering’, ‘Kadang Kala’ dan ‘Tidak Pernah’ yang meminta pelajar memberikan respons bagi 22 item yang disenaraikan. Penggunaan borang selidik ini bertujuan mencungkil persepsi pelajar tentang pengajaran berkenaan. Tujuh daripada item berkaitan dengan domain kelakuan, 9 daripadanya berkaitan dengan domain kognitif dan 6 daripadanya berkaitan dengan domain afektif pelajar semasa menjalani pembelajaran. Pengkaji telah menerangkan maksud setiap item kepada pelajar sebelum mereka mengisinya.

Senarai semak pemantauan bilik darjah digunakan untuk memerhatikan kelakuan dan penglibatan pelajar semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Pemerhatian dibuat mengenai postur badan, tumpuan, perbualan, keyakinan dan minat pelajar berdasarkan skala Sangat Tinggi, Tinggi, Sederhana, Rendah dan Sangat Rendah.

Temu bual separa struktur pula digunakan untuk memahami persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran yang dijalani daripada 3 orang pelajar. Soalan-soalan yang diajukan berkisar pada (a) kejelasan tujuan pembelajaran, (b) kebermaknaan pembelajaran, (c) tahap kesukaran/ cabaran pembelajaran, (d) penilaian mutu hasil pembelajaran dan (e) sokongan yang diperoleh semasa pembelajaran. Sebelum sesi temu bual dimulakan, pengkaji menerangkan kepada pelajar bahawa mereka harus berterus-terang dengan respons yang diberikan. Mereka juga diyakinkan bahawa nama mereka tidak akan disebut dalam kajian yang dilakukan agar mereka dapat memberi respons secara terbuka. Catatan verbatim diambil dan diteliti untuk mendapatkan tema-tema bagi analisa keberkesanan pengajaran.

Prosedur Kajian

Satu pakej pengajaran berjudul ‘Berita’ telah direka dan dijalankan selama

dua minggu. Pakej pengajaran tersebut menerapkan prinsip pendekatan Pembelajaran Gunaan seperti fokus kepada aplikasi kehidupan sebenar, bersifat amali, autentik dan mencabar, memberi peluang bagi kerjasama dalam kumpulan dan melibatkan kerjasama dengan pihak karyawan. Para pelajar dikehendaki menghasilkan sebuah laporan berita televisyen selama dua minit yang menampilkan seorang pembaca berita dan seorang wartawan yang melakukan temu bual ringkas.

Bagi aktiviti pertama, pelajar menonton klip rakaman berita dan berbincang tentang kandungan serta penyampaian berita. Pelajar kemudian dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk membincangkan langkah-langkah menghasilkan berita dan ciri-ciri laporan berita televisyen yang baik. Daripada perbincangan itu, guru mengajarkan definisi, fungsi dan laras bahasa berita. Guru juga merumuskan proses penghasilan berita dan menyentuh tentang sumber-sumber berita serta kesahihan berita.

Aktiviti kedua pula merupakan kerja projek berkumpulan untuk menghasilkan sebuah rakaman video berita. Para pelajar yang pernah melalui pembelajaran berdasarkan masalah digesa menggunakan rajah ‘Idea – Apa yang saya tahu – Apa yang saya perlu tahu’ dalam perancangan dan perbincangan mereka. Ini dilakukan secara kolaboratif melalui penggunaan Google Doc. Peranan setiap pelajar dalam penghasilan rakaman video berita turut ditetapkan. Para pelajar menyiapkan skrip berita kumpulan masing-masing, membuat rakaman video dan menyunting video tersebut sebelum dihantarkan kepada guru. Hasil kerja pelajar tidak dinilai secara sumatif dan maklum balas oleh guru dan karyawan diberi selepas aktiviti ketiga sebagai penilaian formatif.

Aktiviti ketiga merupakan bengel kewartawanan yang menampilkan dua orang karyawan, iaitu seorang wartawan dari Berita Harian dan seorang pemberita dari MediaCorp. Mereka membuat perkongsian tentang pengalaman pekerjaan, mencari bahan berita, penulisan berita dan penyampaian berita serta soal jawab dalam sesi dua jam. Sejam terakhir pula digunakan oleh kedua-dua orang karyawan untuk menonton hasil kerja pelajar lalu memberi komen dan saranan kepada setiap kumpulan.




Senarai semak pemantauan bilik darjah dilakukan sekali bagi setiap aktiviti sepanjang tempoh pembelajaran manakala borang soal selidik dan temu bual dilakukan setelah aktiviti pembelajaran selesai.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap penglibatan pelajar tinggi dan mereka menerima baik pendekatan Pembelajaran Gunaan dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Pertama sekali, pelajar melaporkan bahawa mereka sering berminat untuk melakukan tugas yang diberi, melalui Item 1, 2, 5 dan 6. Sila rujuk Rajah 1.


Rajah 1: Minat Pelajar



Separuh daripada pelajar berkenaan menyatakan bahawa mereka kadang kala terfikir untuk tidak mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran. Melalui temu bual dengan pelajar, satu perkara yang dikemukakan adalah terdapat beberapa cabaran dalam melakukan tugas secara berkumpulan berbanding dengan tugas secara individu. Ada ahli kumpulan yang lebih bersemangat dan sentiasa mengambil inisiatif dalam penghasilan tugas. Sebaliknya, ada pula yang kurang menyumbang atau tidak begitu proaktif. Davies (2009) menerangkan bahawa motivasi individu dalam kerja berkumpulan yang berbeza-beza biasanya memberi kesan negatif terhadap pengalaman bekerja dalam kumpulan.

Pada umumnya, kebanyakan pelajar mempunyai keyakinan untuk menyuarakan idea ketika membuat tugas (bagi Item 3) dan mampu melakukan tugas tanpa banyak bantuan daripada guru, seperti yang dilaporkan melalui Item 4. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Keyakinan Pelajar




Para pelajar yang ditemu bual mengatakan bahawa tugas yang diberikan adalah sedikit mencabar tetapi mampu diselesaikan. Mereka juga menyenaraikan perbezaan pendapat antara rakan sekumpulan tentang haluan tugas, masalah teknikal dan tiada masa untuk bertemu di luar kelas sebagai cabaran yang dihadapi. Namun, mereka juga berpendapat bahawa melalui tugas yang diberi mereka telah belajar untuk menyelesaikan masalah dan berpeluang menjadi kreatif. Dengan kata lain, pendekatan Pembelajaran Gunaan mengasah kemahiran berfikir pelajar secara kritis dan kreatif.



Terdapat bukti, daripada Item 7, 8, dan 9, yang menunjukkan bahawa tahap penglibatan pelajar secara kognitif juga tinggi kerana mereka sering memberi tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran dan perkara-perkara yang dipelajari. Sila rujuk Rajah 3.

Rajah 3: Penglibatan Pelajar




Ketika ditanya, para pelajar dapat mengutarkan beberapa hasilan pembelajaran yang mereka peroleh, iaitu cara membuat laporan, ciri-ciri sebuah laporan berita, teknik membuat rakaman, teknik penyampaian, kemahiran bertutur dan menjadi wartawan yang baik. Para pelajar juga berpendapat bahawa apa yang mereka pelajari sedikit sebanyak akan membantu mereka semasa melakukan tugas penilaian alternatif, yang akan diberikan pada penghujung penggal secara individu nanti.

Dapatan borang soal selidik selanjutnya menunjukkan bahawa para pelajar bersikap positif terhadap tugas yang diberi. Mereka melakukan usaha kendiri dalam menyelesaikan tugasannya serta mempunyai kemahiran untuk melakukan yang terbaik bagi tugasannya itu, berdasarkan Item 10, 11, 12, 14 dan 15. Sila rujuk Rajah 4.




Rajah 4: Soal Selidik



Malah, sungguhpun tugas ini bukan sebahagian daripada Ujian Berterusan (CA), kebanyakannya mereka mahu lebih mengetahui tentang proses penghasilan berita secara peribadi dan mengikuti aktiviti pembelajaran dengan penuh minat. Sila rujuk Rajah 5.




Rajah 5: Minat Pelajar



Dalam usaha untuk menghasilkan rakaman video yang bermutu, antara perkara yang dititikberatkan oleh pelajar adalah sama ada ada rakaman video mereka kelihatan realistik, kesesuaian soalan bagi temu bual, peralihan antara segmen video serta penyampaian berita yang dipilih. Mengikut urutan aktiviti pembelajaran, para pelajar telah menghasilkan rakaman video mereka sebelum menghadiri bengkel kewartawanan dan mendapat pandangan pakar dalam industri kewartawanan itu. Lantas, mereka menggunakan pengetahuan sedia ada yang sedikit dan cuba membuat perkaitan dengan realiti kompleks dunia sebenar serta mencerminkannya dalam hasil kerja mereka. Secara tidak langsung, ini turut menunjukkan bagaimana mereka mencari makna peribadi dalam perlaksanaan tugas tersebut.


Perbincangan seterusnya berkisar pada domain afektif pelajar. Para pelajar agak seronok melakukan aktiviti pembelajaran yang dibincangkan walaupun ada ketikanya mereka tidak berasa demikian. Sila rujuk Rajah 6.

Rajah 6: Domain Afektif



Apa yang menarik adalah ramai dalam kalangan mereka yang berasa bahawa lebih banyak pengajaran yang menerapkan pendekatan Pembelajaran Gunaan patut dijalankan. Ini menunjukkan mereka menerima baik pendekatan tersebut dan mahukan penglibatan yang lebih aktif di bilik darjah. Sila rujuk Rajah 7.

Rajah 7: kekerapan Pendekatan Pembelajaran Gunaan




Para pelajar juga pada umumnya menghormati rakan-rakan sekumpulan (Item 19) dan gembira bekerja dengan mereka (Item 16). Mereka juga



merasakan bahawa para pembimbing mengambil berat tentang diri mereka. Hubungan baik antara pelajar dengan rakan sebaya atau guru penting untuk membina semangat tidak mudah luntur dalam diri pelajar ketika berhadapan dengan situasi pembelajaran yang mencabar (Taylor dan Parsons, 2011). Mereka dapat dijadikan tunjang sokongan pelajar untuk meneruskan aktiviti pembelajaran. Sila rujuk Rajah 8.

Rajah 8: Aktiviti Berkumpulan



Rumusannya, dapatan daripada borang soal selidik menunjukkan bahawa para pelajar mendapati aktiviti pembelajaran yang berpandukan pendekatan Pembelajaran Gunaan bukan sahaja menyeronokkan dan menarik, malah memberi mereka motivasi dalaman untuk melakukan yang terbaik dalam menyelesaikan tugas-tugas berkumpulan. Catatan senarai semak pemantauan bilik darjah yang dilakukan menyokong dapatan ini kerana postur badan, tumpuan, perbualan, keyakinan dan minat pelajar kebanyakannya mendapat

rating ‘Tinggi’ bagi hampir semua aktiviti yang diperhatikan. Antara ketiga-tiga aktiviti tersebut, aktiviti yang memuatkan kegiatan amali telah mencapai penglibatan pelajar yang lebih tinggi.

Jadual 1: Catatan Senarai Semak Pemantauan Bilik Darjah

| Pemerhatian | Tahap Penglibatan | | | | |
|---|-------------------|--|------------|--------|---------------|
| | Sangat Tinggi | Tinggi | Sederhana | Rendah | Sangat Rendah |
| Postur badan (menunjukkan pelajar memberi perhatian kepada guru) | | Aktiviti 2 Aktiviti 3 | Aktiviti 1 | | |
| Tumpuan (tertumpu kepada aktiviti pembelajaran tanpa banyak gangguan) | | Aktiviti 2 Aktiviti 3 | Aktiviti 1 | | |
| Pertuturan (mengemukakan soalan, berbincang secara aktif dan membuat refleksi) | | Aktiviti 1 Aktiviti 2 Aktiviti 3 | | | |
| Keyakinan (mulakan dan menyelesaikan tugas secara kendiri) | | Aktiviti 1 Aktiviti 2 | Aktiviti 3 | | |
| Minat (kelihatan seronok dan ghairah membuat aktiviti) | Aktiviti 2 | Aktiviti 1 Aktiviti 3 | | | |

KESIMPULAN

Pengajaran di bilik darjah yang berpandukan pendekatan Pembelajaran Gunaan mampu meningkatkan tahap penglibatan pelajar. Pendekatan tersebut telah dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar melalui kegiatan amali, meningkatkan penglibatan kognitif pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang lebih bermakna dan autentik kepada pelajar, dan memberi ruang kepada pelajar untuk mengalami atau berdepan dengan realiti kompleks yang mencerminkan dunia sebenar. Kajian ini juga turut mencadangkan bahawa para pelajar sebenarnya mempunyai keinginan untuk memainkan peranan lebih aktif dalam pembelajaran dan harus diberikan peluang-peluang sedemikian. Ini sejajar dengan tuntutan pendidikan yang menekankan pengajaran berpusatkan pelajar.

Keterbatasan kajian ini adalah saiz subjek kajian yang kecil. Walau bagaimanapun, jika kajian ini boleh dibuat dalam konteks yang lain dan



mencapai hasil yang sama berulang kali, maka ia dapat disahkan. Keterbatasan lain yang perlu diambil kira adalah kesan memperkenalkan sesuatu yang baharu atau ‘novelty ‘effect’. Ini mungkin mempengaruhi persepsi pelajar dan menjejas dapatan daripada borang soal selidik yang merupakan lapor diri atau *self-report*. Pemantauan bilik darjah juga boleh diperbaiki sekiranya terdapat lebih daripada seorang pemerhati pada satu masa supaya catatan pemantauan dapat dibandingkan.

Cadangan bagi kajian lain pula boleh berupa kajian tentang strategi-strategi pembelajaran yang sesuai digunakan dengan pendekatan Pembelajaran Gunaan, kesan penggunaan teknologi dalam pendekatan Pembelajaran Gunaan, keberkesanan kerja berkumpulan dalam pendekatan Pembelajaran Gunaan serta kesan penglibatan rakan kerjasama seperti pakar atau karyawan dalam sesebuah bidang dalam pendekatan Pembelajaran Gunaan. Setiap kajian tersebut dirasakan dapat memberi sumbangan tentang cara-cara untuk menambah nilai kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai impak yang tinggi ini.

RUJUKAN

- Ames C. (1992). Achievement goals and classroom motivational climate. Dalam J. Meece & D. Schunk (Eds.), *Students' perceptions in the classroom*. (pp. 327-348). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Ash S. L. & Clayton P. H. (2009). Generating, Deepening, and Documenting Learning: the Power of Critical Reflection in Applied Learning. *Journal of Applied Learning in Higher Education*, Vol. 1, 25-48.
- Astin A. W. (1993). *What Matters in College? Four Critical Years Revisited*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Bedell K. V. (2014). From research to practice: Student Engagement. Dimuat turun daripada <http://punya.educ.msu.edu/wp-content/uploads/2014/02/Bedell-Student-Engagement.pdf>
- Barnes K., Marateo R. & Ferris S. P. (2007). Learning Independence: New Approaches for Educating the Net Generation. Dimuat turun daripada http://www.masternewmedia.org/news/2007/05/04/learning_independence_new_approaches_for.htm



- Chapman E. (2003). Assessing student engagement rates, ERIC Clearinghouse on Assessment and Evaluation.
- Christenson S. L., Reschly A. L. & Wylie C. (Eds.) (2012). *Handbook of research on student engagement*. New York: Springer Science+Business Media.
- Claxton G. (2007). Expanding young people's capacity to learn. *British Journal of Educational Studies*. 55(2), 1-20.
- Davis B. G. (2002). Groupwork as a form of assessment: common problems and recommended solutions High Educ, 58:563–584.
- De Frondeville T. (2009). Ten steps to better student engagement. Edutopia.
<http://www.edutopia.org/project-learning-teachingstrategies>
- Dev P.C. (1997). Intrinsic motivation and academic achievement: What does their relationship imply for the classroom teacher? *Remedial and Special Education*, 18(1), 12- 19.
- Dunleavy J. & Milton P. (2009). What did you do in school today? Exploring the concept of Student Engagement and its implications for Teaching and Learning in Canada. Toronto: Canadian Education Association (CEA), 1-22.
- Dunleavy J., Milton P. & Crawford C. (2010). The Search for Competence in the 21st Century. Quest Journal 2010. Leading Edge Learning.ca (Abstract) p. 2
- Fredricks J. A., Blumenfeld P. C. & Paris A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research*, 74(1), 59-109.
- Ganeshini S.K. (n.d.) Project Report: Strengthening student engagement in the classroom. Dimuat turun daripada
<http://www.math.nus.edu.sg/aslaksen/projects/Ganeshini.pdf>
- Hay L. E. (2000). Educating the Net Generation. *The Social Administrator* 57(54), 6-10.
- Hung W.L., David Cheah H.M., Hu C. and Cheung W.S. (2004). Engaged learning: Making learning an authentic experience. *Special Issue: Engaged learning. Teaching and Learning*, 25(1), 1-18.
- Nor Hashimah J., Junaini K., Zaharani A. (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* GEMA OnlineTM *Journal of Language Studies*, 67 Volume 10(3)
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), (2006). Think Scenarios, Rethink Education. Paris: Center for Educational Research and Innovation.
- Reeve J. (2005). How teachers can promote students' autonomy during instruction: Lessons from a decade of research. Paper presented at the Iowa Educational



Research and Evaluation Association, Cedar Falls, IA.

- Salha M. H. (2014). Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Proceeding of the Global Summit on Education*, GSE 2014 (e-ISBN 978-967-11768-5-6)
- Sharan S., Shachar H. and Levine T. (1999) The Innovative School: Organization and Instruction. Praeger/Greenwood. p. 85.
- Skinner E.A. & Belmont M.J. (1993) Motivation in the classroom: Reciprocal effects of teacher behavior and student engagement across the school year. *Journal of Educational Psychology*, 85(4). p.572.
- Windham C. (2005), The Student's Perspective. In D. Oblinger & J. Oblinger (Eds), *Educating the Net generation* 5.1-5.16. Boulder, CO: EDUCAUSE
Retrieved December 2010, <http://www.educause.edu/educatingthenetgen>
- Willms J. D., Friesen S. & Milton P. (2009). What did you do in school today? Transforming classrooms through social, academic and intellectual engagement. First National Report Toronto: Canadian Education Association.

